

12 APR 2002

LEAD Mustapa-jawatan

MUSTAPA LETAK JAWATAN KETUA PENERANGAN UNTUK TUMPU UMNO KELANTAN

KOTA BAHARU, 12 April (Bernama) -- Datuk Mustapa Mohamed hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ketua Penerangan Umno berkuat kuasa serta merta untuk memberi tumpuan kepada tugasnya selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

"Peletakan jawatan itu dipersetujui oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan saya memberi lebih tumpuan terhadap Umno Kelantan," katanya pada sidang media di sini.

Mustapa berkata keputusan untuk meletakkan jawatan itu dibuatnya sendiri selepas memaklumkan secara peribadi kepada Dr Mahathir yang kini dalam lawatan sehari ke Kelantan.

Katanya langkah itu diambil bagi membolehkannya memberi tumpuan dan masa secukupnya bagi memperkuatkan Umno Kelantan untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Serentak dengan itu, Mustapa berkata beliau tidak lagi menjadi anggota Jawatankuasa Pengurusan Umno.

Katanya keputusan "mengejut" itu dibuatnya setelah beliau memikirkan secara mendalam hasil perbincangan dengan pelbagai pihak termasuk dengan Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Jumaat lepas.

"Demi untuk mengangkat martabat Umno, saya lebih rela berkorban melepaskan jawatan kanan dalam parti di peringkat pusat," kata Mustapa yang menyandang jawatan itu sejak tahun 2000.

Dua minggu lepas, sebuah akhbar melaporkan bahawa 12 daripada 14 Ketua Bahagian Umno telah mengadakan satu perjumpaan dan mempertikaikan kemampuan dan keberkesanan beliau untuk menerajui Umno Kelantan.

Bagaimanapun, berita itu kemudian disifatkan sebagai khabar angin.

Ekoran itu, bahagian-bahagian Umno di Kelantan meluluskan usul menyokong Mustapa untuk kekal sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan.

Mustapa berkata dengan tidak lagi menjadi Ketua Penerangan Umno, beliau akan mempunyai lebih banyak masa untuk mengatasi sebarang masalah di peringkat bahagian di Kelantan selain menyusun gerakan untuk menghadapi Pas.

Katanya ketua-ketua bahagian Umno Kelantan selama ini juga telah memberikan kerjasama mantap kepadanya, manakala beliau pula bersikap terbuka dan bersedia dikritik.

Mustapa, yang juga Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, berkata peletakan jawatannya itu tidak akan melemahkan Umno Kelantan.

Ditanya sama ada beliau akan merombak jawatankuasa peringkat Badan Perhubungan Umno Kelantan, Mustapa berkata ia mungkin dibuat apabila tiba masa yang sesuai bagi mendapatkan barisan yang lebih mantap.

"Ini penting kerana Kelantan merupakan kubu Pas dan kegiatan parti itu perlu dibendung," katanya.

Beliau berkata Umno perlu mengambil peluang daripada kebangkitan rakyat di Kelantan yang kini menentang Pas.

-- BERNAMA

WM RAR MAI